

DASAR ENTITI KECEMERLANGAN

Universiti Teknologi MARA

Mukadimah

Sebagai universiti terbesar dan tersohor di Malaysia, peranan utama UiTM adalah dalam bidang pengajaran dan pembelajaran demi melahirkan graduan professional yang berdaya saing. Seiring dengan hasrat tersebut, agenda penyelidikan juga memainkan peranan penting terutama dalam penghasilan graduan pascasiswazah selain daripada hasil penyelidikan lain yang sering dijadikan instrumen pengukuran prestasi sesebuah universiti.

Entiti Kecemerlangan (EK) berfungsi memacu agenda universiti dalam bidang (i) penyelidikan dan inovasi, (ii) perkhidmatan serta jaringan kepakaran dan (iii) pengkomersilan. Dalam bidang penyelidikan, EK menumpukan fokus kepada aktiviti-aktiviti dalam bidang tujuhan yang diterajui dan bergerak secara dinamik ke tahap yang lebih tinggi. Justeru itu, kecemerlangan penyelidikan akan meletakkan UiTM di kedudukan yang membanggakan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Hasil daripada aktiviti-aktiviti EK yang dijalankan dapat diguna pakai dan dimanfaatkan bagi meningkatkan prestasi EK dan fakulti secara khasnya serta universiti secara keseluruhannya. Bagi memastikan agenda ini tercapai, kerjasama daripada kedua-dua pihak (EK dan fakulti/kolej/kampus cawangan) serta sokongan padu daripada seluruh warga kerja universiti amatlah penting.

Dasar dan Garis Panduan Entiti Kecemerlangan UiTM Pindaan 2020 telah diluluskan di Mesyuarat Senat Bilangan ke-264 pada 03 November 2020. Dokumen ini mengandungi dasar berkaitan EK UiTM dan perlaksanaannya.

P1 PENGENALAN

Entiti Kecemerlangan (EK) merupakan unit atau entiti yang terdiri daripada kumpulan penyelidik yang aktif menjalankan aktiviti penyelidikan atau perkhidmatan dalam bidang tujahan tertentu atau bersifat interdisiplinari. Kumpulan penyelidik ini dikenali oleh komuniti akademik dan industri di dalam dan di luar negara dengan kepakaran yang diperoleh hasil daripada aktiviti yang dilaksanakan. EK mampu menerajui aktiviti penyelidikan atau perkhidmatan secara berfokus di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Dasar ini bertujuan untuk memperjelaskan kedudukan EK dalam ekosistem penyelidikan universiti supaya ianya lebih efisien, harmoni dan diberi pengiktirafan sejajar dengan tanggungjawab terhadap kecemerlangan penyelidikan dan perkhidmatan.

Dengan adanya dokumen ini, pengurusan EK akan lebih teratur dan mantap serta mampu menjadi pemangkin bagi memacu penyelidikan ke tahap yang lebih cemerlang seterusnya meningkatkan pencapaian penarafan universiti diperingkat nasional dan antarabangsa.

P2 DEFINISI DAN TERMA

Pusat Kecemerlangan (CoE)	Sebuah pusat yang menerajui penyelidikan/perkhidmatan yang mencapai tahap prestasi kecemerlangan yang tinggi dan menjadi pusat rujukan dalam bidang tujahan tertentu yang diluluskan oleh Senat atau Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan merupakan pusat tanggungjawab (PTJ) dengan peruntukan yang diberikan oleh pengurusan universiti.
Neksis Penyelidikan UiTM (ReNeU)	Jabatan yang menerajui agenda penyelidikan dan pembangunan universiti melalui aktiviti penyelidikan pelbagai disiplin berimpak tinggi seiring dengan pelan strategik UiTM.
Penyelidik	Individu yang aktif menjalankan projek penyelidikan sama ada secara persendirian atau berkumpulan.
Felo Tetap WCoE/HICoE/CoE	Staf akademik UiTM yang dilantik secara rasmi oleh Naib Canselor dan ditempatkan di WCoE/HICoE/CoE. Seorang staf akademik hanya dibenarkan menjadi Felo Tetap di satu (1) WCoE/HICoE/CoE sahaja pada satu masa dan

tidak boleh menjadi ahli tetap RG atau RIG.

**Felo Bersekutu
WCoE/HICoE/CoE**

Staf akademik yang dilantik secara rasmi oleh Naib Canselor sebagai ahli penyelidik dalam WCoE/HICoE/CoE tersebut tetapi tidak ditempatkan secara hakiki. Felo Bersekutu juga boleh menjadi ahli tetap di dalam satu HICoE, CoE, RG atau RIG.

**Ahli Tetap atau
Bersekutu RG dan
RIG**

Staf akademik yang dilantik secara rasmi oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) sebagai ahli tetap atau ahli bersekutu RG atau RIG. Keahlian bagi Ahli Tetap adalah dihadkan kepada satu (1) RG atau RIG sahaja dan ahli bersekutu kepada dua (2) HICoE/CoE/RG/RIG yang lain. Penyelidik hanya boleh menjadi Ketua kepada satu (1) RG atau RIG sahaja. Ahli tetap RG atau RIG tidak boleh menjadi felo tetap WCoE/HICoE/CoE.

**Program Saintis dan
Penyelidik Muda
(PSPM)**

Merupakan program WCoE, HICoE atau CoE untuk mengambil penyelidik muda yang diberi biasiswa dan dibayar elaun dalam tempoh menjalani pengajian pasca siswazah secara penyelidikan di HICoE atau CoE.

Program ini adalah pembangunan modal insan bagi menjamin kelestarian penyelidikan HICoE dan CoE melalui pemberian biasiswa setara dengan program tenaga pengajar muda (TPM).

P3 KATEGORI DAN KLASIFIKASI ENTITI KECEMERLANGAN

Berlandaskan definisi Pusat Kecemerlangan di peringkat KPT, universiti memilih pada masa ini untuk memberi penumpuan kepada dua kategori teras Entiti Kecemerlangan iaitu:

- i. **Teras Penyelidikan & Inovasi** – Sebuah entiti yang melaksanakan aktiviti penyelidikan untuk meningkatkan tahap kualiti penyelidikan dan perkhidmatan serta memberikan khidmat perundingan kepada industri dan masyarakat. Lebih 70% aktiviti yang dilaksanakan oleh entiti ini bertumpu kepada penyelidikan dan inovasi manakala kurang 30% meliputi aspek perkhidmatan dan rundingan.
- ii. **Teras Perkhidmatan** - Sebuah entiti yang menyediakan perkhidmatan dan perundingan kepada masyarakat dan industri. Lebih 70% aktiviti nya hendaklah

meliputi aspek perkhidmatan dan perundingan, manakala kurang 30% meliputi aspek penyelidikan.

Entiti Kecemerlangan UiTM dibahagikan kepada lima peringkat seperti berikut:

Pusat Kecemerlangan Antarabangsa <i>World Centre of Excellence (WCoE)</i>	Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) yang dinilai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan diiktiraf bertaraf antarabangsa dalam bidang tujahan dan mampu memacu penyelidikan/perkhidmatan di persada dunia.
Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi <i>Higher Institution Centre of Excellence (HICoE)</i>	Pusat Kecemerlangan universiti yang dinilai dan diiktiraf di peringkat kebangsaan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). HICoE dipilih berdasarkan tujahan penyelidikan/perkhidmatan yang selari dengan keperluan KPT dan negara. Markah minima yang perlu dicapai untuk layak memohon ialah 80% menggunakan Instrumen Penilaian HICoE.
Pusat Kecemerlangan <i>Centre of Excellence (CoE)</i>	Pusat penyelidikan yang diiktiraf oleh Senat atau Lembaga Pengarah Universiti (LPU) setelah mencapai markah minima yang ditetapkan menggunakan Instrumen Penilaian HICoE.
<i>Kumpulan Penyelidikan Research Group (RG)</i>	Merupakan kumpulan penyelidikan/perkhidmatan yang telah mencapai tahap prestasi dan melepasi peratus minima yang ditetapkan menggunakan Instrumen Penilaian HICoE dan dipimpin oleh seorang Ketua. RG bernaung di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
Kumpulan Inisiatif Penyelidikan <i>Research Initiative Group (RIG)</i>	Merupakan kumpulan penyelidik yang baru ditubuhkan dan menjalankan penyelidikan/perkhidmatan dalam salah satu bidang tujahan ReNeU yang dipilih. RIG dipimpin oleh seorang Ketua dan dibawah tadbir urus Kolej/Fakulti/Kampus Cawangan berdasarkan garis panduan EK UiTM.

P4 SKOP

Dasar ini melibatkan semua staf akademik UiTM dan penyelidik yang dilantik oleh UiTM terdiri daripada:

- i. Pusat Kecemerlangan Antarabangsa (WCoE)
- ii. Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE)
- iii. Pusat Kecemerlangan (CoE)
- iv. Kumpulan Penyelidikan (RG)
- v. Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)

P5 TANGGUNGJAWAB

Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Pengarah-Pengarah CoE dan Pengarah ReNeU bertanggungjawab dalam memastikan EK menjalankan peranan masing-masing dan mencapai KPI yang telah ditentukan dengan sokongan Dekan/PNC Kolej/Rektor dalam memacu penyelidikan di UiTM.

P6 DOKUMEN BERKAITAN/SOKONGAN

Dasar Penyelidikan UiTM
Pekeliling Akademik
Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil.1/2020
Dasar Entiti Kecemerlangan UiTM
Garis Panduan Entiti Kecemerlangan
Glosari Instrumen Penilaian HICoE Teras Penyelidikan dan Inovasi Versi 1.0 (2020)
Glosari Instrumen Penilaian HICoE Teras Perkhidmatan Versi 1.0 (2020)
Glosari MyRA KPT 2020

P7 SKOP PENYELIDIKAN/PERKHIDMATAN

Di peringkat awal penubuhan, kumpulan/pusat penyelidikan/perkhidmatan (RG dan RIG) digalakkan untuk menjalankan penyelidikan mengikut kepakaran penyelidik selari dengan bidang tujahan universiti. Sekiranya kepakaran sesebuah RG atau RIG mampu memperkasakan mana-mana WCoE/HICoE/CoE yang sedia ada, maka RIG atau RG dicadangkan untuk ditindikkan ke WCoE/HICoE/CoE tersebut.

CoE perlu memilih satu bidang tujuan (*niche area*) penyelidikan/perkhidmatan selari dengan Bidang Keutamaan Negara (*National Priority Areas – NPAs*) yang ditetapkan oleh KPT dan negara bagi permohonan naiktaraf sebagai HICoE. Pemilihan bidang tujuan mestilah dibuat berdasarkan kepakaran penyelidik dan boleh menaikkan imej universiti di peringkat global. RG perlu memilih satu bidang tujuan (*niche area*) penyelidikan yang ditetapkan oleh universiti dan dipersetujui oleh RG tersebut bagi permohonan naiktaraf sebagai CoE.

P8 KEAHLIAN

i. Bilangan ahli minima

Semua staf akademik mestilah menjalankan aktiviti penyelidikan dan/atau perkhidmatan serta digalakkan menjadi ahli kepada salah satu Entiti Kecemerlangan (WCoE, HICoE, CoE, RG dan RIG) di UiTM.

KPT menetapkan tanda aras minima 5 orang ahli bagi setiap EK, namun, demi menjamin kelestarian sesebuah EK di UiTM, EK perlu mempunyai sekurang-kurangnya bilangan Felo Tetap/Ahli Tetap seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Minima Felo Tetap/Ahli Tetap mengikut jenis Entiti Kecemerlangan UiTM

Penetapan Bilangan Felo Tetap / Ahli Tetap	WCoE	HICoE	Pusat Kecemerlangan COE	Pusat Penyelidikan RG	Kumpulan Penyelidikan RIG
Ketetapan KPT	5	5	5	N/A	N/A
Cadangan kelestarian UiTM	16-20	8-15	5-10	5	5

WCoE, HICoE dan CoE boleh memohon kepada Naib Canselor untuk melantik felo tetap dari dalam universiti dan felo bersekutu dari dalam dan luar universiti. Penyelidik berkaliber yang berminat disarankan memohon untuk dipertimbangkan menjadi felo tetap.

ii. Pelantikan

Felo Tetap/Felo Bersekutu bagi HICOE dan CoE: Untuk memastikan kelestarian kecemerlangan penyelidikan bagi Pusat Kecemerlangan, Pengarah dibenarkan untuk mengesyorkan felo tetap/ felo bersekutu tertakluk kepada proses pelantikan universiti. Felo tetap boleh memohon untuk kembali ke jabatan hakiki berdasarkan proses dan prosedur semasa.

Staf sokongan, pentadbiran dan teknikal bagi HICOE dan CoE: Universiti bertanggungjawab memperuntukkan jumlah staf sokongan, pentadbiran dan teknikal yang mencukupi serta bersesuaian bagi memastikan tadbir urus pusat kecemerlangan yang cekap dan tangkas.

Ahli tetap/ahli bersekutu bagi RG dan RIG: Setiap ketua RG dan RIG adalah dibenarkan untuk mengesyorkan Ahli Tetap/ Ahli Bersekutu tertakluk kepada proses pelantikan universiti. Keahlian bagi Ahli Tetap adalah dihadkan kepada satu RG/RIG sahaja sama ada sebagai ketua atau ahli. Felo Tetap HICoE dan CoE tidak dibenarkan menjadi Ketua atau ahli tetap RG dan RIG. Walau bagaimanapun dibenarkan untuk menjadi ahli bersekutu RG dan RIG.

P9 PROGRAM AKADEMIK

WCoE, HICoE dan CoE boleh menawarkan program akademik.

P10 KEWANGAN

WCoE, HICoE dan CoE perlu diberikan peruntukan kewangan seperti berikut:

i. Bajet Operasi Minima

WCoE, HICoE dan CoE layak menerima bajet operasi sebanyak RM500,000 minima setahun.

ii. Bajet Kos Perolehan dan Penyelenggaraan peralatan berteknologi tinggi

Peruntukan bagi kos perolehan dan penyelenggaraan serta operasi peralatan mengikut keperluan. Tadbir urus perolehan peralatan hendaklah dikendalikan secara berpusat di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

iii. Geran

CoE dan RG akan diperuntukan geran penyelidikan untuk kelestarian aktiviti penyelidikan tertakluk kepada prestasi tahunan.

iv. Insentif kewangan

WCoE, HICoE dan CoE akan diberikan insentif kewangan berdasarkan pencapaian tahunan dan jumlah geran luar (kebangsaan dan antarabangsa) yang berjaya diperolehi dalam bentuk Geran Khas (*Special Grant*) seperti yang diperincikan dalam garis panduan EK.

11 LAIN-LAIN PERUNTUKAN

WCoE, HICoE dan CoE:

Universiti bertanggungjawab menyediakan keperluan operasi dan ruang yang sesuai dan mencukupi bagi menyokong perkembangan EK dari masa ke semasa.

i. Staf Pentadbiran Dan Sokongan

- **Staf Pentadbiran dan Sokongan**

Penempatan staf dan waran perjawatan akan diberikan mengikut keperluan operasi di HICoE dan CoE; minima satu (1) Penolong Pendaftar, satu (1) Pegawai Eksekutif (EO) dan satu (1) Kerani.

- **Staf Akademik**

Penempatan staf dan waran perjawatan Program PSPM akan diberikan di setiap HICoE dan CoE.

- **Penyelidik Pasca Kedoktoran**

Universiti memperuntukkan pelantikan penyelidik Pasca Kedoktoran sekurang-kurangnya satu (1) dari dalam negara atau luar negara.

ii. Ruang pentadbiran

Universiti bertanggungjawab menyediakan ruang yang mencukupi dan kondusif bagi penempatan staf akademik/pentadbiran dan sokongan bagi melancarkan operasi pentadbiran EK tersebut.

iii. Ruang infrastruktur penyelidikan

Universiti bertanggungjawab menyediakan ruang yang mencukupi, kondusif dan bersesuaian dengan keperluan penyelidikan semasa dan memenuhi keperluan sistem akreditasi kebangsaan dan antarabangsa.

iv. Peralatan dan Makmal

Universiti bertanggungjawab menyediakan infrastruktur penyelidikan yang

kondusif serta peralatan terkini bagi memacu aktiviti penyelidikan agar dapat menjana pendapatan.

P12 TADBIR URUS

Carta Tadbir Urus UiTM

Carta Tadbir Urus Penyelidikan UiTM